

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
 BAHAGIAN KEWANGAN  
 ARAS 6 & 7, BLOK E12, KOMPLEKS E  
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
 62604 PUTRAJAYA

TELEFON: 03 - 7723 7070/03 - 8884 6000 NO. FAKS: 03 - 8884 7679  
 http://apps.emoe.gov.my/bkew

3



**"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**

No. Ruj : KP(BKEW/BT)1800/D Jld.3(36 )  
 Tarikh : 11 November 2009

Pengarah  
 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pengarah  
 Bahagian Pendidikan Islam

Pengarah  
 Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Pengarah  
 Bahagian Pendidikan Khas

Pengarah  
 Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh / Kluster

Pengarah  
 Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum

Semua Pengarah Pelajaran  
 Jabatan Pelajaran Negeri

Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,



**PELAKSANAAN PROGRAM BANTUAN PERSEKOLAHAN TAHUN 2010**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana pihak Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Bajet Mengurus Tahun 2010 telah dibentangkan di Parlimen pada 23 Oktober 2009 yang lalu. Peruntukan Bajet Mengurus bagi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengalami pengurangan daripada RM27 bilion kepada RM25 bilion (6.7%) berbanding tahun 2009. Tanggungan emolumen tahun 2010 yang tinggi sebanyak 79.26% telah menyebabkan pengurangan di bawah butiran Bekalan dan Perkhidmatan sebanyak RM2 bilion, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM1.7 bilion dan tiada peruntukan Aset diluluskan.

En. Marzuli,

Sila masukkan ke website  
 unit kew & akaun. P. K

16/11/09

W32  
 -maka di sahkan  
 kpd sam silabel  
 melalui PPD mang?

3. Peruntukan Bantuan Persekolahan turut mengalami pengurangan sebanyak RM1.17 bilion (34.82%) berbanding tahun 2009. Keadaan ini mengakibatkan KPM terpaksa merangka beberapa strategi penjimatan bagi memastikan program-program utama Kementerian khususnya berkaitan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan.

4. Mesyuarat Pasca Kabinet yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Menteri Pelajaran dan Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan KPM yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Ketua Setiausaha KPM pada 30 Oktober 2009 telah bersetuju dengan pelaksanaan beberapa strategi penjimatan yang dicadangkan. Strategi tersebut turut melibatkan perubahan pelaksanaan beberapa jenis bantuan persekolahan seperti berikut yang akan **berkuatkuasa mulai Januari 2010**:

Bil.	Bantuan Persekolahan	Strategi Pelaksanaan 2010
1.	Bantuan Makanan Asrama (BMA)	<p><u>Bilangan Hari:</u></p> <p>Pengurangan bilangan hari penyediaan makanan:</p> <p>a. Asrama Harian /SBP /Teknik /Vokasional /Sukan /Seni /SABK – daripada 250 hari kepada 200 hari; dan</p> <p>b. Asrama Sek. Pend. Khas - daripada 270 hari kepada 220 hari.</p> <p><u>Yuran Makan Asrama (YMA):</u></p> <p>i. Kenaikan YMA daripada RM1 kepada RM3 sehari kepada ibu dan bapa/penjaga murid dengan pendapatan berjumlah RM5,000 sebulan dan ke atas;</p> <p>ii. YMA sebanyak RM1 sehari kekal dikenakan kepada ibu dan bapa/penjaga murid dengan pendapatan berjumlah RM4,999 sebulan dan ke bawah; dan</p> <p>iii. Murid Orang Asli, PPRT, Asrama Pendidikan Khas, Asrama Desa, asrama di negeri Sabah, Sarawak dan WP Labuan kekal dikecualikan daripada membayar YMA.</p>

Bil.	Bantuan Persekolahan	Strategi Pelaksanaan 2010
2.	Bantuan Geran Per Kapita (PCG) ( Berkaitan LPBT/LPK Sekolah dan LPBT/LPK Asrama)  <b>[Berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan]</b>	<p><b><u>Perubahan Maksud Perbelanjaan LPBT/LPK Sekolah dan Asrama*:</u></b></p> <p>Maksud perbelanjaan di bawah LPBT/LPK Sekolah dan Asrama <b>dihadkan</b> hanya kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bayaran utiliti termasuk tunggakan (contoh: elektrik, air, pembetungan, internet dll.);</li> <li>b. penyelenggaraan dan pembaikan kecil;</li> <li>c. pembelian bahan bakar memasak; dan</li> <li>d. bahan habis guna pejabat.</li> </ul> <p><b><u>Lebih/Baki PCG Dan BMA Tahun 2009 Dan Tahun-Tahun Sebelumnya*</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua sekolah dibenar untuk membawa <b>SEMUA</b> lebih/baki PCG dan BMA tahun 2009 dan tahun-tahun sebelumnya (tidak hanya terhad kepada 10% daripada peruntukan tahun semasa yang diterima) ke tahun 2010.</li> <li>ii. Lebih/Baki PCG dan BMA Tahun 2009 dan tahun-tahun sebelumnya dibenarkan untuk dibelanjakan <b>hanya</b> bagi tujuan:             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bayaran utiliti termasuk tunggakan;</li> <li>b. penyelenggaraan dan pembaikan kecil;</li> <li>c. pembelian bahan bakar memasak; dan</li> <li>d. bahan habis guna pejabat.</li> </ul> </li> <li>iii. Perbelanjaan bagi perkara (ii) di atas boleh terus dilaksanakan tanpa memerlukan kelulusan pindah peruntukan daripada Ketua PTJ masing-masing yang melibatkan:             <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pemindahan lebih atau baki PCG Sekolah ke LPBT/LPK Sekolah;</li> <li>b) Pemindahan lebih atau baki BMA kepada LPBT/LPK Asrama.</li> </ul> </li> </ul>

Bil.	Bantuan Persekolahan	Strategi Pelaksanaan 2010
		v. Perbelanjaan (terhad kepada perbelanjaan di perkara (ii) di atas) untuk sekolah dan asrama dibenar menggunakan dari mana-mana lebihan/baki PCG Sekolah atau BMA tanpa perlu melaksanakan pindah peruntukan antara kedua-dua Kumpulan Wang Kerajaan dan Kumpulan Wang Asrama.  * Sekolah hendaklah mengutamakan perbelanjaan bagi utiliti sekolah/asrama terlebih dahulu.
3.	Program Susu Sekolah (PSS)	Program tidak dilaksanakan.
4.	Skim Bantuan Tuisyen (SBT)	
5.	Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform (BPS)	
6.	Kokurikulum Prasekolah	
7.	Kokurikulum Asrama	
8.	Basiswa Kecil Persekutuan (BKP)	Perluasan pelaksanaan pembayaran biasiswa terus ke akaun murid yang layak di seluruh negara oleh Bahagian Kewangan, KPM.
9.	Basiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU)	
10.	Basiswa Sukan (BS)	Pelaksanaan seperti biasa.
11.	Program Pelajar Projek Khas SBP	
12.	Elaun Murid Berkeperluan Khas (OKU)	

Bil.	Bantuan Persekolahan	Strategi Pelaksanaan 2010
13.	Rancangan Makanan Tambahan (RMT)	Pelaksanaan seperti biasa.
14.	Bantuan Makanan Pra Sekolah (BMP)	
15.	Bantuan Geran Per Kapita (PCG) (Selain LPBT/LPK Sekolah dan LPBT/LPK Asrama)	
16.	Bantuan Kokurikulum Ke Sekolah (KOKO Sekolah)	
17.	Yuran Khas Sekolah (YKS)	
18.	Bantuan Jacket Keselamatan (BJK)	

5. Peruntukan bagi PCG, YKS dan KOKO Sekolah akan disalurkan **terus ke akaun sekolah** oleh Bahagian Kewangan, KPM mulai pertengahan Januari sehingga akhir Februari tahun 2010 bagi sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia sahaja. Peruntukan adalah berdasarkan kepada jumlah yang dituntut dalam *e-Bantuan* dan Bahagian/JPN diminta memaklumkan kepada sekolah mengenai jumlah peruntukan yang diterima. Sekiranya berlaku perbezaan peruntukan yang disalurkan dengan maklumat dalam *e-Bantuan*, sekolah hendaklah merujuk kepada pihak JPN untuk diselaraskan dengan Bahagian Kewangan, KPM. Bantuan persekolahan yang lain (kecuali biasiswa) akan disalurkan kepada sekolah melalui Bahagian/JPN.

6. Memandangkan peruntukan bantuan persekolahan yang diluluskan adalah terhad, maka pihak Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan **adalah dipohon supaya memastikan pemberian bantuan persekolahan hanya diberikan kepada murid yang benar-benar layak sahaja mengikut kriteria yang telah ditetapkan KPM.**


7. Sayugia diingatkan bahawa permohonan peruntukan tambahan hanya akan dipertimbangkan tertakluk kepada peruntukan sedia ada dan justifikasi yang kukuh. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Encik Ahmad 'Afifi B. Hussain atau Puan Nor Zarina Bt. Razak di talian 03-8884 7630 / 7643.

8. Keprihatinan serta kerjasama Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam menjayakan pelaksanaan bantuan persekolahan tahun 2010 amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. **Surat Bahagian Kewangan rujukan KP(BKEW/BT)1800/DJld.3(35) bertarikh 9 November 2009 bertajuk Pelaksanaan Program Bantuan Persekolahan Tahun 2010 adalah dibatalkan.**

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"TINGKATKAN PRODUKTIVITI KURANGKAN KOS"**

Saya yang menurut perintah.



(ROGAYAH BINTI A. BAKAR)  
Bahagian Kewangan  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

No. Tel: 03-8884 7474

No. Faks: 03-8884 7679

emel: [rogayah.bakar@moe.gov.my](mailto:rogayah.bakar@moe.gov.my)

s.k.:

1. Ketua Setiausaha KPM
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
3. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha, KPM
4. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
5. Ketua Nazir, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
6. Pengarah, Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM
7. Setiausaha Bahagian, Bahagian Audit Dalam, KPM
8. Setiausaha Bahagian, Bahagian Audit Sekolah, KPM